

## **ANTARA FATWA DAN PETUA DALAM MASYARAKAT MELAYU: SATU KAJIAN PENILAIAN**

Mohd Nizho Abdul Rahman

Azman Md Zain

Solahuddin Abdul Hamid

Kamaruddin Bin Ahmad

Zulhilmi Bin Paidi

Mohd Akram Bin Dahaman

*Universiti Utara Malaysia*

*nizho@uum.edu.my*

### **ABSTRAK**

*Masyarakat Melayu adalah masyarakat yang kuat berpegang dengan petua dan amalan orang-orang yang terdahulu. Mereka sering menggunakan petua dalam kehidupan mereka meskipun kadangkala bercanggah dengan tuntutan agama. Petua dilihat sebagai suatu yang boleh menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dalam kehidupan mereka. Bagi mereka petua menjadi suatu yang diberi keutamaan berbanding fatwa yang hanya dilihat merujuk kepada permasalahan agama semata-mata. Sedangkan fatwa adalah suatu keputusan yang dibuat setelah mendapat persetujuan hasil perbincangan alim ulamak dalam menentukan sesuatu hukum yang melibatkan seluruh kehidupan manusia. Fatwa adalah merupakan suatu keputusan yang menjadikan agama sebagai sandaran berbanding petua yang menjadikan pengalaman sebagai sandaran. Justeru, kajian konsep ini dilakukan bagi menilai sejauhmanakah pengamalan fatwa dan petua dalam kalangan masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, kajian ini menyenaraikan beberapa fatwa dan petua yang melibatkan penghayatan dan pengamalan semasa masyarakat Melayu. Ianya merangkumi kehidupan sosial, politik dan ekonomi. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini berdasarkan senarai fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan di beberapa negeri di semenanjung Malaysia. Selain itu, kaedah ini juga digunakan berdasarkan beberapa buku petua yang menjadi amalan semasa masyarakat Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa kecenderungan mereka lebih tinggi menerima dan mengamalkan petua berbanding fatwa dalam kehidupan harian mereka. Ini kerana, sentiviti terhadap petua itu lebih diberi keutamaan berbanding fatwa yang boleh memberi panduan dalam kehidupan mereka. Kekeliruan tentang tuntutan agama dan larangannya*

*menjadi punca kepada mereka dalam memilih antara petua dan fatwa. Kajian ini diharap dapat merungkai kekeliruan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu agar bijak meletakkan keutamaan antara fatwa dan petua.*

**Kata kunci :** *Fatwa, petua, masyarakat Melayu*

## **PENGENALAN**

Masyarakat Melayu sememangnya dikenali sebagai orang yang kuat berpegang dengan adat dan petua dalam kehidupan mereka. Perkara ini tidaklah menjadi suatu yang asing bagi mereka. Petua yang diamalkan adalah bersangkut paut dengan kehidupan mereka, sehingga dilihat menjadi suatu yang mesti dilaksanakan dan diberikan keutamaan. Ianya berbeza dengan mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti di seluruh negara yang hanya dilihat sebagai suatu yang bersifat anekmen yang melibatkan kerja-kerja yang bersangkut paut dengan agama. Bahkan fatwa yang dikeluarkan difahami boleh dicabar dan dipertikai kedudukannya. Menjadi kebiasaan dalam masyarakat apabila fatwa yang dikeluarkan itu tidak bertentangan dengan kehendak dan kemahuan mereka, seperti hal-hal yang berkaitan dengan penetapan anak bulan, zakat dan lain-lain tidaklah menjadi keberatan untuk mereka menerimanya. Sebaliknya jika, perkara yang difatwakan itu bertentangan dengan naluri dan kemahuan mereka seperti pengharaman rokok, idah dan lain-lain tidak dipeduli oleh mereka. Perkara itu tetap menjadi sebatи kepada mereka meskipun larangan tentang pengharamannya jelas dalam agama.

## **Definisi Fatwa Dan Petua**

Fatwa merupakan satu kalimah arab berasal daripada perkataan fata-yaftu-fatwan yang bermaksud perbuatan yang dikeluarkan oleh seorang mengenai hukum-hukum yang berkaitan dengan hal-hal Syariah. Fatwa menurut syara' pula adalah suatu penerangan tentang hukum syara' dalam suatu persoalan sebagai jawapan dari suatu pertanyaan yang diajukan merangkumi semua peringkat samada orang yang bertanya itu jelas identitinya maupun tidak. Begitu juga yang bertanya itu orang perseorangan maupun secara berkumpulan. Oleh yang demikian fatwa boleh berlaku apabila sesuatu itu dihadapkan kepada pihak yang bertanggungjawab dan mereka mengeluarkan pandangan dalam hal yang berkaitan. Justeru, fatwa adalah suatu hukum syarak yang dikeluarkan oleh Mufti yang mewakili institusi yang dilantik berdasarkan perbincangan dengan jawatankuasa fatwa negeri sebelum diwartakan oleh kerajaan negeri untuk dikuatkuasakan. (Kamarudin & Mohd Liki, 2002).

Petua adalah nasihat atau tunjuk ajar yang diberikan oleh seseorang mengenai sesuatu perkara atau nasihat yang boleh dijadikan panduan. Ia juga memberi makna nasihat, petunjuk, atau panduan yang berguna (biasanya oleh orang tua-tua atau yang berpengalaman) tentang cara melaksanakan atau mencapai sesuatu dengan berkesan.(Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011).

### **Fatwa Yang Diabaikan**

Sebenarnya sudah banyak fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti negeri-negeri di Malaysia dan juga pada peringkat kebangsaan.Namun, fatwa yang dikeluarkan boleh dikatakan tidak pernah dipandang sebagai suatu yang penting dalam kehidupan harian masyarakat Malaysia.Kajian ini memaparkan beberapa contoh yang boleh dilihat tentang pengabaian masyarakat Melayu Islam khususnya tentang fatwa-fatwa yang dikeluarkan. Antaranya:-

#### **1. Fatwa Berkaitan Rokok**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali ke-37 di Dewan Syura, Tingkat 11 Pusat Islam Kuala Lumpur pada 23 Mac 1995 telah membincangkan isu MerokokDari Pandangan Islam dan telah bersetuju memutuskan seperti berikut:

“Merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudharatan”(<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/merokok-dari-pandangan-islam>,11 Jun 2014)

Negeri Kedah juga terlibat mengeluarkan fatwa melalui jabatan mufti terhadap pengharaman rokok sejak 1970 lagi. Fatwa tersebut menyebut bahawa:-

“merokok akan memberi kemudharatan dan pembaziran. Pada pandangan syarak ia termasuk dalam dosa-dosa kecil dan ianya haram”  
(Majlis Agama Islam Negeri Kedah, 1970)

Meskipun fatwa yang dikeluarkan oleh pihak yang bertanggungjawab sejak sekian lama dan sudah diwartakan, namun jumlah mereka yang merokok masih tidak berkurangan. Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia juga mendapati rakyat Malaysia yang menghisap sejumlah 23.7 bilion batang rokok pada 2015, peningkatan besar daripada 18 bilion batang rokok pada 1998. Terlebih malang mereka yang terlibat sebagai perokok adalah seramai 4.7 juta orang yang berumur 15 tahun dikalangan remaja.(Plan Strategik Kebangsaan, 2015)

## 2. Fatwa Berkaitan Daun Ketum (Biak)

Fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti negeri Kedah tentang pengharaman penyalahgunaan hasil daripada pokok ketum itu dikeluarkan pada tahun 2014. Pihak Jawatankuasa Fatwa memutuskan bahawa:-

“Jabatan Mufti Kedah telah mengeluarkan fatwa berkaitan isu ketum, dengan menegaskan adalah haram melibatkan diri dengan aktiviti penyalahgunaan atau hasil dari pokok ketum. Maksud penyalahgunaan ialah melakukan atau menjadikan sesuatu ke arah kerosakan atau tidak sah dari aspek perundangan,”  
(<http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/utara/ketum-diharamkan-sejak-2014,2016>)

Fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan pada 1 Ogos 2016 melalui mesyuarat perundingan berkaitan hukum syarak telah memutuskan bahawa cadangan penanaman pokok ketum adalah diharamkan. Ini berdasarkan kepada *mafsadah* (kerosakan) dan bahaya mudarat yang lebih besar berbanding dengan kelebihan dan manfaatnya (<http://www.muftiwp.gov.my/index.,2016>) Perkara ini juga tidak diendahkan oleh masyarakat terutamanya mereka yang berada di kawasan Jerlun (Pida). Tempat ini terkenal dengan gelaran Colombia Malaysia. Yang paling menyedihkan masyarakat kampung membudayakan minuman daun Ketum ini pada majlis perkahwinan, malah menjadi syarat untuk membantu majlis kenduri secara gotong royong kepada golongan remaja di sesetengah tempat di Kedah.

## 3. Fatwa Berkaitan Hubungan Secara Paksaan Suami Isteri

Muzakarah fatwakebangsaan pada kali ke 71 yang bersidang pada 22-24 november telah memutuskan bahawa di dalam Islam hubungan suami isteri setelah di ijab kabulkan adalah sah dan halal. Oleh yang demikian tidak wujud istilah rogol atau melanggar hak asasi manusia dalam sesebuah perkahwinan yang sah disisi syarak. Hubungan antara suami isteri itu tidak seharusnya diabaikan melainkan hubungan yang boleh mendatang kemudaratan kepada isteri atau suami.(Jakim, 2015) Apa yang berlaku dalam masyarakat Melayu wujudnya kes saman antara suami isteri dalam hal rumahtangga atas istilah rogol atau hak asasi manusia. Satu kes seorang penjual sate di Arau pada tahun 2014 dijatuhi hukuman penjara empat tahun oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas didapati bersalah melakukan hubungan seks tanpa kerelaan isterinya. Pesuruhjaya Kehakiman, Abu Bakar Katar menaikkan hukuman penjara setahun yang dijatuhi Mahkamah Sesyen ke atas Mahathir Abu Bakar, 25, kepada

empat tahun kerana menakut-nakutkan serta mengancam untuk mencederakan isterinya sebelum melakukan hubungan seks dengan isterinya.( Kosmo, 2017)

### **Petua Yang Diamalkan**

Masyarakat seringkali melakukan apa yang mereka inginkan meskipun amalan yang dilakukan itu bercanggah dengan tuntutan agama. Berikut adalah beberapa petua yang diamalkan dalam masyarakat Melayu, antaranya:-

#### **1. Petua Amalan Menepung Tawar Dan Beras Kunyit**

Amalan dan petua ini bertujuan untuk menjauhkan sebarang musibah. Perkara ini masih banyak diamalkan dalam masyarakat melayu. Majlis perkahwinan selalunya diadakan upacara menepung tawar dan beras kunyit sebagai petua dan amalan nenek moyang. Setelah dikaji dari sumber yang sahih dari hadis dan sunnah, sememangnya adat dalam beberapa upacara perkahwinan juga tidak bersumber dari ajaran Islam. Ia lebih bersumberkan ajaran dari agama Hindu. Malahan adat tepung tawar, beras kunyit yang berasal dari ajaran Hindu masih lagi dikekalkan pada hari ini. Seterusnya, yang menjadi tuntutan agama ialah akad nikah dan kenduri kahwin. Perkahwinan yang dilangsungkan hendaklah diisyiharkan dengan mengadakan kenduri seperti sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud, Buatlah kenduri walau dengan seekor kambing. (Riwayat Bukhari).

Dalam Islam, meminang adalah disunatkan tetapi ia bukan satu adat. Agama turut menggalakkan pemberian hadiah, misalnya pemberian hantaran kepada keluarga pengantin, tetapi biarlah ia bersederhana untuk mengeratkan hubungan silaturahim. Kalau ia dilakukan secara berlebih-lebihan seperti mana pada hari ini, itu semua adalah adat semata-mata dan bukannya tuntutan agama. Begitu juga dengan majlis perkahwinan yang terlalu meriah hingga mengundang kepada pembaziran. Perkara ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Di samping itu, ia turut diiringi dengan majlis persandingan di mana pengantin perempuan berhias secara berlebih-lebihan dan membuka aurat. Islam menggalakkan kenduri untuk menghebahkan perkahwinan kepada umum. Adalah lebih elok kalau pasangan melayan tetamu dengan dihiasi pakaian yang sedikit berbeza dan menunjukkan dirinya baru berkahwin. Tetapi dalam masyarakat kita terlalu banyak adat hingga matlamat sebenar tidak tercapai.”

Apa yang berlaku semasa majlis bersanding ini lebih kepada pembaziran dan sesungguhnya di dalam al-Quran, Allah SWT menyatakan bahawa orang yang membazir adalah saudara syaitan. Kerana kos yang tinggi akan digunakan untuk menyiapkan pelamin dan peralatannya sedangkan wang tersebut tidak perlu dibazirkan

di atas perkara yang tidak berfaedah. Walaupun niat kita mengadakan upacara persandingan dengan niat yang baik iaitu untuk meraikan pasangan pengantin, namun sekiranya upacara itu dicemari oleh unsur-unsur yang bertentangan dengan agama Islam, maka secara tidak langsung upacara tersebut salah disisi agama. Menurut Prof. Yusof Qardhawi di dalam bukunya Fatwa Mu'asirah, Halal dan Haram dalam Islam dengan menyebut bahawa :-

“Niat yang baik tidak akan menghalalkan yang haram”

## **2. Petua Amalan Memasuki Hutan**

Petua ini diamalkan bertujuan untuk memelihara diri dari sebarang musibah ketika memasuki hutan. Antara perkara yang sering digunakan ketika memasuki hutan adalah penggunaan tangkal sebagai pelindung diri. Kepercayaan tangkal mampu menyelamatkan seseorang dari mala petaka adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Di dalam sebuah hadith, Nabi S.A.W bersabda yang bermaksud;

*Tidak ada Thiyarah (berfirasat memperolehi sial kerana melihat haiwan-haiwan yang tertentu sehingga tidak jadi berbuat amal) tidak ada ‘Adwa (keyakinan bala / wabak menular secara sendiri tanpa melalui takdir Allah) dan tidak ada Qhul (keyakinan jahiliyyah bahawa roh orang yang mati berada dalam burung hantu dan boleh menyesatkan perjalanan) (Riwayat Ahmad).*

Selain itu, terdapat juga petua-petua lain yang menggemarkan kesan yang akan diterima akibat melanggar petua-petua yang telah disarankan. Sebenarnya dalam Islam peraturan hidup dan hubungan antara makhluk dengan makhluk adalah suatu yang dituntut. Tidak semua petua bercanggah dengan ketetapan syarak malah ada yang dituntut agar dilakukan dengan penuh cermat dan memelihara suasana tempat dan keadaan yang sedia ada. Dalam masa yang sama hukum syarak mewajibkan seseorang menjaga adab-adab yang semestinya dilakukan agar pihak lain tidak berkecil hati ataupun tersinggung dengan perbuatan yang dilakukan. Contoh yang paling mudah ialah membung air kecil dan besar di dalam hutan. Seseorang mestilah menjaga adab-adab agar tidak membuang air kecil di dalam lubang dan pada air yang tenang. Ini kerana terdapat hadith yang mlarang perbuatan tersebut. Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud;

*Rasulullah s.a.w milarang kencing di lubang (Riwayat Abu Dawud)*

Dan sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

*Rasulullah S.A.W melarang kencing di air yang tenang ( Riwayat Muslim)*

### **3. Petua Amalan Nenek Moyang**

Masyarakat Melayu sering mengaitkan apa yang dilakukan oleh mereka adalah datangnya dari nenek moyang. Menjadi suatu kesalahan ataupun kejanggalan jika petua yang telah diamalkan oleh nenek moyang tidak diwarisi oleh anak cucu mereka. Menjadi kebanggaan dan kepuasan kepada mereka apabila petua-petua itu diamalkan dalam kehidupan mereka. Perasaan bersalah atau bertentangan dengan syarak tidak timbol kerana amalan tersebut seolah-olah telah dilakukan sejak turun temurun. Sebagai contoh petua atau amalan bergunting jambul bagi bayi yang baru lahir sering kali dilakukan oleh masyarakat di kota dalam majlis keramaian.

Bagi mereka inilah adat yang baik dan warisan daripada nenek moyang. Sedangkan di dalam agama menuntut supaya bayi tersebut dicukur rambutnya. Ia adalah Sunnah Rasulullah S.A.W. yang semestinya diberi perhatian dan diamalkan. Cuma Islam tidak memberatkan untuk timbangan emas kerana yang penting ialah membersihkan kepala bayi. Di samping itu, ada juga sesetengah majlis mencukur kepala disertai dengan marhaban dan berzanji. Ini adalah antara adat yang membawa kebaikan. Namun, yang agak dikesali adalah tindakan sesetengah masyarakat yang menyambut kelahiran anak dengan bermacam-macam perkara hingga menjadi khurafat seperti meletakkan pisau di bawah bantal, kononnya untuk mengelakkan daripada gangguan hantu dan syaitan.(Ruqayah Tibek, 2006).

### **Kekeliruan Terhadap Fatwa Berbanding Petua**

Mulaakhir ini masyarakat Melayu lebih cenderung kepada suatu yang lebih kepada publisiti berbanding hukum yang mesti ditaati. Seorang yang mengaku sebagai muslim mestilah mentaati perintah Allah, meskipun perintah tersebut bertentangan dengan kemahuan dirinya. Oleh yang demikian, badan yang berautoriti dalam mengendalikan hal yang berkaitan dengan hukum adalah jabatan Mufti. Maka setiap permasalahan umat akan diproses melalui pengeluaran fatwa bagi menyelesaikan perkara tersebut. Justeru, fatwa yang telah diputuskan seperti hal berkaitan dengan pemeliharaan binatang seperti anjing jelas dan boleh dijadikan panduan. Sebaliknya, terdapat segelintir masyarakat khusunya umat Islam masih keliru dengan hal yang demikian. Mereka lebih menggunakan rasional akal berbanding hukum dan ketetapan syarak. Selain itu, telah banyak fatwa yang dikeluarkan oleh pejabat mufti seperti fatwa ESQ, yang dikeluarkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan beberapa tahun yang lalu bukan sahaja dipertikai, malah dicabar di mahkamah. Namun mahkamah sivil enggan campur tangan dalam fatwa yang dibuat mengikut undang-undang dan hukum

syarak. Selain itu, fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengenai tarian poco-poco tidak berapa lama dahulu dipertikai termasuklah bekas mufti, ahli politik dan kalangan yang sengaja memperbesarkan isu-isu berkaitan agama.

Sebenarnya jika seseorang itu tidak bersepakat dengan fatwa yang dikeluarkan oleh mufti ataupun pandangannya, forum yang sesuai untuk membincangkan pandangan tersebut bukanlah melalui media. Sepatutnya orang yang tidak bersepakat tersebut hendaklah mengumpulkan segala bukti dan dalil yang menyokong pandangannya serta berdialog dengan ahli jawatan kuasa fatwa bagi mencari jalan penyelesaiannya. Pergeseran pandangan yang diwar-warkan melalui media tidak akan dapat menyelesaikan masalah yang timbul. Ia hanya akan menambah kekeliruan dalam kalangan masyarakat awam sahaja. Mufti adalah ulama yang merupakan waris para Nabi. Fatwa yang digarap bukan dibuat dalam sekilip mata sahaja. Jabatan Mufti berusaha memutuskan fatwa yang difikirkan sesuai dan perlu kepada masyarakat. Ianya melalui proses perbincangan yang mendalam termasuklah mengambil kira pandangan tertentu yang diberikan oleh pakar-pakar dalam bidang-bidang lain.

Namun yang sedihnya fatwa sering dijadikan objek cemuhan khususnya apabila sesuatu fatwa itu diuji dengan parameter hak asasi manusia. Apabila sesuatu hak asasi manusia itu dilihat tidak selari dengan fatwa, maka ramailah yang mengeluarkan pandangan agar sesuatu fatwa itu tidak dilaksanakan, tidak adil dan zalim. Kes penghakiman Sulaiman Takrib sebagai contoh terselamat daripada perundangan yang memihak kepada makamah syariah. Sekiranya ia tidak berpihak, fatwa mufti akan hanya tinggal seperti nasihat sahaja dan tidak mempunyai kuasa undang-undang pula. Isu terkini yang hangat diperkatakan adalah berkaitan dengan menasabkan anak yang tidak sah taraf kepada bapa (punca) sebelum kahwin menurut syarak. Medan cemuhan pula adalah di medan sosial bukan dengan membuat representasi supaya fatwa itu dipinda sebagaimana yang diperuntukkan undang-undang.

Sebaliknya petua-petua yang dinyatakan melalui media sosial tidak dicemuh oleh sesiapapun meskipun bertentangan adab, tatasusila dan agama. Sebagai contoh mandi bunga, merenjis dan menepung tawar pengantin yang sama sekali bertentangan dengan agama tidak dilihat sebagai suatu yang sensitive dan berlawanan dengan agama. Masyarakat menjadi sensitif dalam perkara yang melibatkan hak asasi mereka digangu gugat. Apabila masyarakat semakin keliru dan tidak tahu membezakan antara adat dan agama, ia akan menyebabkan umat Islam keciciran tanggungjawab terhadap agama. Dalam kehidupan sesetengah individu, dari segi psikologi mereka sentiasa mengharapkan ada kuasa lain dalam diri mereka. Selagi adat tidak bertentangan dengan

agama, maka Islam membenarkan. Jangan sampai ia memudaratkan seperti mana yang kita lihat pada hari ini iaitu perbelanjaan perkahwinan yang tinggi menyebabkan ramai pasangan muda menangguhkan perkahwinan mereka dan akhirnya berlaku maksiat. (Ruqayah Tibek, 2006)

## **KESIMPULAN**

Islam agama yang sempurna dan lengkap bagi kehidupan manusia. Ini kerana Islam telah menyediakan jalan keluar bagi sesuatu permasalahan dalam kehidupan manusia. Justeru, setiap perkara yang diamalkan adalah dibolehkan selagi ianya tidak ada larangan dalam syarak tentang haramnya perkara yang hendak diamalkan. Oleh yang demikian, setiap perkara yang hendak diamalkan mestilah merujuk kepada ketetapan serta panduan serta ketetapan syarak.

## **RUJUKAN**

- Al-Qur'an al-Karim. Basmih, Abdullah bin Muhammad Basmih. (1968), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, (2004), *Sahih al-Bukhari*, 1 j. Bayrut: Dar Fikr.
- Al-Baihaqi, Ahmad Hussin Ibn Ali (1987). *al-Sunan al-Kubro*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hambal. Ahmad ibn Hambal. (1993). *Musnad Imam Ahmad*. Bayrut : Dar al-Fikr.
- Abu Husayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qushayri al-Naysaburi (2007). *Sahih Muslim*, Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himayah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah,
- Al-Nasaiy, Abdul Rahman Ahmad ibn Shuib (1991). *Al-Sunan al-Kubro*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Tirmizi, Muhamad ibn Isa ibn Surah (1980). *Al-jami' al-sahih sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Fikr.

---

Plan Strategik Kebangsaan Bagi Kawalan Tembakau  
2015-2020. 2015. Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya : Kuala Lumpur  
Majlis Agama Islam Negeri Kedah. 1970. *Rokok Haram*.

---

Alor Setar : Kedah.

Ruqayah Tibek. 2006. *Adat Jangan Bertentangan Syariat*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

[www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt+0725&pub+utusan\\_Malaysia&sec+Bicara\\_Agama&pg+ba\\_01.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt+0725&pub+utusan_Malaysia&sec+Bicara_Agama&pg+ba_01.htm)

<http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-fatwa/1137-irsyad-al-fatwa-ke-124-hukum-menanam-pokok-ketum-bagi-tujuan-perubatan-farmaseutikal2ogos 2016>

<http://www.kosmo.com.my/kosmo/content, 6 ogos 2017>

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/merokok-dari-pandangan-islam,11 Jun 2014>